

04/11/2002

Bantuan kepada SAR disambung semula secara bersyarat

TAPAH, Ahad - Kerajaan akan memberi semula bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang tidak disalahgunakan bagi tujuan politik pembangkang dengan syarat mereka membuat perakuan tidak menyalahgunakan bantuan berkenaan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata perkara itu boleh dilaksana sekarang kerana kerajaan sudah mengenal pasti SAR mana yang sudah disalahgunakan.

Abdul Aziz berkata, SAR yang mahu mendapatkan semula bantuan perlu memperoleh perakuan daripada pejabat pendidikan daerah, polis, pegawai daerah dan jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK).

Perakuan itu untuk memastikan SAR tidak menyalahgunakan peruntukan disediakan sehingga boleh merugikan pelajar dan ibu bapa pelajar terbabit.

"Kita membuat keputusan menyambung semula pemberian bantuan per kapita itu kerana mendapati tidak semua SAR terbabit dengan kegiatan negatif.

"Berdasarkan kajian, negeri paling banyak dikesan SAR terbabit kegiatan seperti itu adalah Kedah, Kelantan dan Perak.

"Negeri paling sedikit dikesan adalah Johor," katanya ketika menghadiri majlis Deepavali anjuran Senator K R A Naidu di Rumah Rehat di sini, malam tadi.

Pada 25 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan menghentikan sementara bantuan perkapita bagi semua SAR berikutan ada sesetengah berkenaan menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah terbabit dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Mengikut Seksyen 52 Akta Pendidikan 1996, Parlimen boleh memperuntukkan bantuan kewangan kepada institusi pendidikan Islam yang tidak disenggarakan oleh Kementerian Pendidikan atau kerajaan negeri.

Abdul Aziz berkata, pengetua dan guru besar di sekolah yang terbabit dinasihatkan menghentikan segera tindakan mereka kerana ia merugikan generasi muda pada masa hadapan.

Menurutnya, tindakan itu juga merugikan ibu bapa pelajar terbabit kerana peruntukan yang diberikan disalahgunakan dan tidak bersangkutan dengan pendidikan anak mereka.

Abdul Aziz berkata, kementerian mengarahkan semua pejabat pendidikan negeri dan daerah menubuhkan jawatankuasa pemantauan bagi memastikan semangat patriotisme di kalangan pelajar sekolah diterap secara lebih berkesan.